

08/06/2005

PROTON-VOLKSWAGEN

DR M:VOLKSWAGEN BOLEH BELI KEPENTINGAN DALAM PROTON

Oleh: M. Saraswathi

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Syarikat pembuat auto terkemuka Jerman, Volkswagen AG boleh membeli kepentingan dalam syarikat pembuat kereta nasional, Proton Holdings Bhd jika ada sesiapa yang berminat untuk menjual ekuiti mereka, kata penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya rasa Volkswagen boleh beli kepentingan Proton. Saham-saham ini ada di pasaran dan jika ada sesiapa yang memegang saham Proton yang berminat untuk menjual, kita tidak ada masalah jika Volkswagen mahu beli saham dalam Proton," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut mengenainya.

Tahun lepas, Proton memeterai perikatan strategik dengan Volkswagen AG.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan edisi baru Proton iaitu kereta Savvy `hatchback' 1.2 liter di sini hari ini, yang harga di jalan antara RM40,000 dan RM43,000.

Ditanya mengenai perkembangan perikatan strategik itu, beliau berkata terdapat banyak perkara yang perlu dilihat sebelum kerjasama antara Proton dan Volkswagen direalisasikan.

"Mereka kini dalam proses perbincangan. Kita akan mencapainya secepat mungkin," kata beliau.

Beliau juga berkata kilang pemasangan kereta di Indonesia yang terletak berdekatan Jakarta akan memulakan operasinya bulan ini. Kilang di Indonesia itu adalah usahasama antara Proton dan Tracoma Holdings Bhd.

Kilang itu mempunyai kapasiti mengeluarkan 50,000 unit setahun tetapi pada peringkat awal, pengeluaran ialah 8,000 unit setahun. Kilang pemasangan itu akan mengeluarkan model-model kompak Gen.2 dan Wira.

Ditanya bagaimana Proton akan terus bertahan di celah-celah saingan sengit memandangkan lebih banyak kereta Jepun dijangka masuk sebaik sahaja Perjanjian Perdagangan Bebas Jepun-Malaysia (FTA) dimuktamadkan, Dr Mahathir berkata Proton perlu belajar bagaimana untuk bersaing.

"Tetapi, jika anda memberikan tanggungjawab Proton membangunkan vendor tempatan dan membeli kandungan tempatan dan itu sahaja, sudah tentu kita akan berhadapan dengan kesukaran kerana komponen-komponen tempatan lebih mahal.

"Jika kita boleh mendapatkan beberapa komponen dari seberang laut, maka, kita akan berada di tapak dan tahap yang sama seperti kereta-kereta import," kata beliau.

Ditanya mengenai perlunya Proton untuk mempunyai antara 60 dan 70 peratus kandungan tempatan bagi membolehkannya mendapatkan status kereta nasional, Dr Mahathir berkata:

"Jika kita mahukan kereta nasional dan memberinya tugas memajukan industri tempatan, dan pada masa yang sama kita mahu mereka bersaing dengan kereta-kereta yang tidak mempunyai tanggungjawab yang serupa, itu tidak adil. Itulah yang ingin saya katakan."

Sementara itu, ketua pegawai eksekutifnya, Tengku Mahaleel Ariff berkata selain daripada Savvy, Proton akan melancarkan dua lagi model pada tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac, 2006.

Untuk Savvy, beliau berkata Proton akan mengeluarkan 2,000 unit setiap bulan.

Tengku berkata terdapat juga rancangan untuk mengeksport Savvy ke pasaran serantau dan global, tetapi ia bergantung kepada permintaan dan kapasiti.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Proton perlu bekerja keras bagi

memperluaskan pasaran-pasaran seberang lautnya, tetapi ia bukan satu tugas yang mudah untuk memasuki pasaran-pasaran ini.

"Kita juga mesti ingat yang kebanyakan jenama yang memasuki Malaysia turut mengalami kesukaran."

"Jadi, kita mesti mempunyai sedikit kesabaran dengan Proton. Lambat laun, kita mampu mengeksport dengan lebih banyak lagi," kata beliau ketika ditanya apakah nasihat beliau kepada Proton dalam memperbaiki pasaran eksport syarikat.

Ditanya mengapa Savvy tidak menggunakan enjin campro yang dihasilkan oleh Proton, beliau berkata Campro tidak menghasilkan saiz enjin yang diguna oleh Savvy.

"Jadi, kita kena buat penyumberan luar. Ini bukanlah sesuatu yang baru memandangkan kebanyakan syarikat lain turut mendapatkan sumber luar. Ini adalah salah satu cara yang digunakan oleh semua industri," kata beliau. --

BERNAMA

SM SD AA